

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**

<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	<b>: SISTEM MAKLUMAT</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>: PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	<b>: F41, F44, F48, F52, F54</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>: 1 JULAI 2016</b>
<b>SYARAT LANTIKAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none"><li>(a) warganegara Malaysia;</li><li>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan</li><li>(c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang sains komputer dan teknologi maklumat atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,315.00); atau</li><li>(ii) ijazah sarjana muda kejuruteraan dalam bidang komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,522.44); atau</li><li>(iii) ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM2,833.78); atau</li><li>(iv) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat, kejuruteraan komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred F41: RM3,145.11).</li></ol></li></ol>
<b>SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</li><li>3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:<ol style="list-style-type: none"><li>(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan</li></ol></li></ol>
<b>SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN</b>	

- (b) had umur pelantikan:
- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
- TEMPOH PERCUBAAN**
- LATIHAN**
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED F44**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED F48**
- 4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred F41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja berkaitan.
  - 5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
  - 6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
  - 7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
  - 8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
    - (a) memenuhi tempoh percubaan;
    - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  - 9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
  - 10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
  - 11. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 yang kosong apabila telah:
    - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
    - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  - 12. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48 yang kosong apabila telah:
    - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED F52**

13. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F52 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED F54**

14. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F54 yang kosong apabila telah:

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE KUMPULAN PENGURUSAN  
TERTINGGI**

15. Pegawai Teknologi Maklumat Gred F54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Teknologi Maklumat yang berkuat kuasa pada 1.1.2007 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2006).

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**

**KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : SISTEM MAKLUMAT**

**KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA**

**GRED JAWATAN/GAJI : FA29, FA32, FA38, FA40**

**TARIKH KUAT KUASA : 1 JULAI 2016**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,549.00); atau  
(ii) sijil dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,549.00); atau  
(iii) diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,855.00); atau  
(iv) diploma dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred FA29: RM1,929.89).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN  
SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
  - (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
  - (b) had umur pelantikan:

- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
- TEMPOH PERCUBAAN**
- LATIHAN**
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED FA32**
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED FA38**
4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred FA29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
  5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
  6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
  7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
  8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
    - (a) memenuhi tempoh percubaan;
    - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
  10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
  11. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA32 yang kosong apabila telah:
    - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
    - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
  12. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA38 yang kosong apabila telah:
    - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
    - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED FA40**

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PEGAWAI TEKNOLOGI  
MAKLUMAT GRED F41**

13. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA38 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA40 yang kosong apabila telah:
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
14. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat yang berkuat kuasa pada 1.1.2007 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2006).

**SKIM PERKHIDMATAN  
JURUTEKNIK KOMPUTER**

<b>KLASIFIKASI PERKHIDMATAN</b>	: <b>SISTEM MAKLUMAT</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	: <b>PELAKSANA</b>
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	: <b>FT19, FT22, FT26, FT28</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	: <b>1 JULAI 2016</b>
<b>SYARAT LANTIKAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:<ol style="list-style-type: none"><li>(a) warganegara Malaysia;</li><li>(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan</li><li>(c) (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,377.00); atau</li><li>(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,435.12); atau</li><li>(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FT19: RM1,493.24).</li></ol></li></ol>
<b>SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.</li></ol>
<b>PENETAPAN GAJI PERMULAAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred FT19 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berdasarkan kepada pengalaman kerja atau kemahiran berkaitan.</li></ol>
<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.</li></ol>
<b>LATIHAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.</li></ol>
<b>PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN</b>	<ol style="list-style-type: none"><li>6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.</li></ol>

- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
    - (a) memenuhi tempoh percubaan;
    - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
    - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

    8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

    9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED FT22**

    10. Juruteknik Komputer Gred FT19 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Komputer Gred FT22 yang kosong apabila telah:
      - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
      - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
      - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
      - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED FT26**

    11. Juruteknik Komputer Gred FT22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Komputer Gred FT26 yang kosong apabila telah:
      - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
      - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan;
      - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED FT28**

    12. Juruteknik Komputer Gred FT26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Juruteknik Komputer Gred FT28 yang kosong apabila telah:
      - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
      - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
      - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA29**

    13. Juruteknik Komputer yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Juruteknik Komputer yang berkuat kuasa pada 1.1.2007 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2006), 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009) dan 1.1.2011 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2011).